

Semua jentera parti diminta tumpu laksana RMK-9

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

JOHORBAHRU 15 Ogos -

Selepas melalui fasa kritikan dan penjelasan. Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu semua jentera parti dan kerajaan memberi tumpuan kepada pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan Misi Nasional bagi memajukan Wawasan 2020.

Perdana Menteri menarik perhatian jika sebelum ini beliau sibuk membuat persediaan merancang RMK-9, ini adalah masanya untuk memastikan rakyat menerimanya selepas penjelasan mengenai rancangan lima tahun itu dan Misi Nasional mendapat maklum balas baik rakyat.

"Sebelum ini ramai yang tanya Pak Lah, apa program yang akan dilaksanakan dan kini kita sudah memperincikannya.

"Saya sudah memberitahu semua (jentera parti dan kerajaan) bahawa inilah masanya untuk kita menumpukan segala usaha bagi memastikan kejayaan program yang dirancang. Kita telah bersedia untuk melaksanakannya kerana pelan pelaksanaan telah dibuat," katanya.

Perdana Menteri ditanya adakah

beliau telah bersedia memberi tumpuan kepada kerja-kerja pelaksanaan pembangunan negara selepas sebelum ini terpaksa menjawab banyak kritikan mengenai pentadbirannya.

Abdullah berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Loji Integrasi Biodiesel Sawit yang pertama di dunia di Pasir Gudang, dekat sini hari ini.

Loji tersebut merupakan antara projek teras yang diberi tumpuan dan menjadi kebanggaan Perdana Menteri kerana berjaya direalisasikan tidak sampai setahun selepas Dasar Biofuel Kebangsaan diperkenalkan.

Beliau menegaskan, setiap projek perlu dirancang pelaksanaannya dengan baik bagi mengelakkan konflik, pertindihan dan masalah pada masa depan.

Mengenai hasil lawatan dua hari beliau ke Johor, Abdullah bangga kerana negeri ini mempunyai prospek ekonomi yang amat baik termasuk yang disumbangkan oleh Wilayah Ekonomi Selatan Johor (SJER).

"Saya gembira perkara-perkara baik sedang berlaku sekarang," kata Perdana Menteri sambil memberitahu bahawa pelan induk SJER akan diumumkan tidak lama lagi.



ABDULLAH Ahmad Badawi meneliti minyak masak keluaran kilang biodiesel Carotino selepas merasmikan loji Biodiesel itu di Pasir Gudang, Johor, semalam. Turut kelihatan Peter Chin Fah Kui (kanan) dan Abdul Ghani Othman (tengah, belakang).